



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK AZMAN BIN ABD KADIR
PENGURUS STESEN KERETAPI TANAH MELAYU
STESEN KULAI, JOHOR**

**RAHMAHTUNNISAH BINTI MOHD ROSTAM
(2019707575)
SITI NOR AQILAH BINTI AWAN
(2019351075)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC-JULAI 2020

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI ABREVIASI	iii
SENARAI SINGKATAN	iv
RUJUKAN KATA	v
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	1
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA.....	1
1.2 PENEMUBUAL KEDUA	1
2.0 BIODATA TOKOH.....	2
2.1 BIODATA TOKOH	2
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH	3
3.0 SEJARAH LISAN.....	4
3.1 PENGENALAN	4
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN	4
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN.....	5
4.0 KAJIAN LITERATUR	6
4.1 PENGANGKUTAN AWAM	6
4.2 KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD.....	7
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH.....	8
5.1 SESI 1.....	8
5.2 SESI 2.....	24
5.3 SESI 3.....	42
6.0 LOG TEMUBUAL.....	57
7.0 RALAT.....	79
8.0 GLOSARI	80

ABSTRAK

Penulisan sejarah ini dapat membantu untuk merungkai sejarah dan peristiwa tentang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Kulai, Johor yang tidak pernah dirungkai oleh mana-mana individu menerusi penulisan sejarah lisan dengan menggunakan kaedah menemubual tokoh-tokoh yang telah dipilih. Kami mendapatkan sumber yang sahih dan yang terkini untuk kegunaan generasi yang akan datang. Kajian ini dijalankan dengan menemubual tokoh menerusi ‘*voice note*’ di aplikasi *WhatsApp* agar kami dapat meneruskan untuk mendokumentasi tentang pengisahan seorang tokoh iaitu Encik Azman Bin Abdul Kadir yang sudah lama berkhidmat menjadi Pengurus Stesen di Kulai ini dengan sangat berdedikasi dan bertanggungjawab. Walaubagaimanapun, kami dapat merekodkan maklumat yang telah diberi oleh beliau dengan sumber yang sahih agar dapat kami merealisasikan untuk memelihara sejarah penubuhan Stesen Keretapi Tanah Melayu Kulai ini untuk dipaparkan kepada orang ramai tentang keistimewaan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di stesen ini.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, maka dapatlah kami menyiapkan transkrip bagi projek sejarah lisan ini.

Di kesempatan ini kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin selaku Pensyarah bagi subjek IMR604 – Dokumentasi Lisan, di atas khidmat nasihat, sokongan dan bimbingan yang diberikan dalam menjayakan tugas ini.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Azman Bin Abd Kadir kerana sudi menjadi responden kami untuk ditemubual bagi projek sejarah lisan ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa kami yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan dan doa sebagai panduan yang amat kami perlukan.

Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih kepada rakan sekelas, JIM2465B yang banyak berkongsi maklumat bagi penambahbaikan dalam menyiapkan tugas ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi bantuan dalam menyiapkan tugas ini.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CEO	Chief Executive Officer
HQ	Headquarters
KTM	Keretapi Tanah Melayu
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MSSD	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah
PABX	Private Automated Branch Exchange
SOP	Standard Operating Procedure
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia